

TAJJDID MENUJU TRANSFORMASI. Fauwaz Fadzil Noor. 2018. Telaga Biru Sdn Bhd: Kuala Lumpur. Halaman 146. No. ISBN 978-967-388-376-9.

Buku Tajdid Menuju Transformasi ini yang diterbitkan oleh Telaga Biru Sdn Bhd mula dicetak oleh Tihani Cetak Sdn Bhd. pada April 2018. Buku ini dikarang oleh Ustaz Fauwaz Fadzil Noor yang merangkumi 7 bab dengan 146 halaman. Susur galur buku ini memberi peluang kepada pembaca terutamanya masyarakat umum untuk mengetahui mengenai sunnah tajdid dan memahami bagaimana tajdid dapat menuju transformasi kearah kebangkitan ummah. Buku ini banyak mengambil pandangan daripada Syeikh Yusuf al-Qaradhawi dan Dr. Ali al-Qaradaghi. Antara kandungan buku ini yang menarik perhatian ialah mengenai tajdid dan ijtihad, Fiqh dan Minhaj I, Fiqh dan Minhaj II, aspek-aspek tajdid, pemikiran tokoh-tokoh tajdid, renungan-renungan tajdid I dan renungan-renungan tajdid II.

Sebelum menelusuri maksud tajdid, terlebih dahulu penulis mengupas perkara-perkara yang akan membentuk sikap mentaliti masyarakat minda kelas pertama terhadap pemikiran umat Islam di negara kita antaranya memberi ruang kepada orang di dalam lif, kereta api, MRT atau bas untuk keluar terlebih dahulu, membuang sampah dan puntung rokok di dalam tong sampah, beratur mengikut barisan dalam semua urusan, menahan pintu bagi memberi laluan orang lain memasuki premis tersebut, menyimpan semula troli di pasar raya selepas menggunakannya, tidak merokok berdekatan kanak-kanak terutamanya bayi, memberi signal ketika memandu, memastikan tandas bersih selepas digunakan, menyebarkan kebaikan masyarakat, mengurangkan hiburan dan meningkatkan aktiviti ilmiah dan kemasyarakatan serta menyokong kejayaan orang lain tanpa memendam perasaan hasad dengki.

Terdapat pelbagai agenda tajdid yang boleh dilakukan dalam kehidupan manusia dan mengembalikan umat Islam khususnya mengamalkan ajaran Islam yang sebenar sebagaimana Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Perubahan ke arah kebaikan seharusnya bermula daripada peringkat individu, keluarga, masyarakat, bangsa dan Negara. Di samping mengubah komuniti masyarakat kepada yang lebih baik, perbuatan menyebarkan kebaikan serta membimbing mereka perlu disuburkan dalam komuniti setempat supaya dapat melahirkan masyarakat yang bertamadun dari aspek akhlak dan pemikiran. Al-Quran menyebutkan dalam surah al-Imran ayat 110 mengenai '*khaira ummah*' yang dicipta untuk memberi manfaat kepada semua manusia baik muslim mahupun non-muslim kerana sebaik-baik manusia adalah manusia yang memberi manfaat kepada orang lain. Walaupun musuh-musuh Islam memperkotak-katikan umat Islam, namun masyarakat Islam haruslah yakin bahawa kemenangan itu pasti akan dimiliki dengan beriman kepada Allah swt dan tidak mensyirkannya.

Para ulama mengutarakan pelbagai tafsiran mengenai mujaddid contohnya Khalifah Umar Abdul Aziz, Imam as-Syafi'i, Imam Asya'ri. Penulis menyatakan bahawa *mujaddid* ialah seorang individu mahupun kumpulan. Imam al-Qardhawi juga menyebutkan dalam kitabnya *Min Ajli Sohwah Rasyidah* bahawa tajdid berlaku dalam setiap bidang seperti Fiqh, Hadis dan Tafsir. Terdapat empat rukun tajdid iaitu *mujaddid*, *mujaddad*, *al-Mujaddad lahu* dan *aalah al-tajdid* yang mesti direalisasikan berdasarkan empat teras menurut Dr. Ali al-Qaradaghi antaranya mengenal agama Allah dengan tepat berdasarkan al-Quran dan sunnah, mengetahui perkara-perkara yang bertambah atau berkurang dalam agama, melakukan ijtihad berdasarkan yang jelas untuk menerangkan Islam yang sempurna dan menerangkan Islam dalam bentuk bahasa semasa. Antara 11 ruang yang boleh dilakukan tajdid menurut Dr. Ali al-Qaradaghi ialah akidah, pemikiran, ilmu dan seni, perancangan, kreativiti, akhlak, ekonomi, sosial,

politik, perindustrian, perniagaan, pertanian dan perlembagaan serta pelaksanaan. Proses tajdid bermula dengan ijthad *tarjih* iaitu proses pemilihan pendapat ulama sambil memudahkan penyampaian Fiqah dan berakhir dengan ijthad mutlak. Tajdid bukan hanya terhad kepada konsep ijthad malah merangkumi aspek penerangan, pemahaman konsep, menurunkan hukum ke atas kes yang berlaku, perundangan, cara mengajar dan sebagainya. Oleh yang demikian, tajdid yang dimaksudkan ialah menghidupkan pintu ijthad kepada ulama agar berijthad dalam perkara-perkara baru yang tidak pernah dibincangkan oleh ulama silam dan ia disebut sebagai ijthad *ibtidaie* atau *insyaie*. Namun demikian, tajdid tidak boleh dilakukan oleh orang biasa yang tiada asas bahasa Arab.

Antara bentuk perubahan umat yang perlu diberi perhatian ialah isu menghidupkan roh ijthad serta tajdid dan meninggalkan sikap jumud dan taklid buta. Golongan yang bertaklid buta enggan mempelajari berkenaan mazhab atau pemikiran lain sehingga dibelenggu dengan kemunduran. Oleh itu, antara ciri-ciri penting bidang Fiqah yang perlu diterapkan ialah rabbaniah, insaniah, wasatiah, syumuliah dan akhlakiah. Dalam melakukan perubahan Fiqah, perlu diketahui terdapat ruang atau hukum Fiqah yang menerima perubahan atau tidak contohnya hukum Fiqah yang mencapai tahap ijmak iaitu disepakati ulama tidak boleh berubah walaupun berlakunya perubahan zaman seperti hukum kewajipan solat Jumaat telah mencapai peringkat ijmak. Maka tidak boleh pada zaman ini diubah kepada hari Ahad hanya dengan alasan hari Ahad adalah hari cuti. Justeru, bagi mengelak perkara ini berlaku, terdapat tiga ciri pembaharuan Fiqah menurut Syeikh Yusuf al-Qarhawi, Dr. Wahbah az-Zuhaili dan Syeikh Mustafa Zarqa iaitu mempermudah amalan Fiqah khususnya kepada golongan yang baru memeluk Islam, memudahkan penerangan Fiqah agar mudah difahami dan diamalkan, menulis buku Fiqah dalam bahasa semasa dan tidak terikat dengan bahasa lama yang hanya difahami oleh golongan ilmuwan.

Bab dua di dalam buku ini mengupas mengenai Fiqh dan Manhaj I di mana terdapat perbezaan antara Syariat Islam dan Fiqh Islam iaitu syariat Islam tidak menerima perubahan manakala Fiqh Islam bersedia menerima perubahan contohnya syariat Islam adalah seperti solat lima waktu, puasa di bulan Ramadhan manakala Fiqh Islam seperti niat berpuasa di bulan Ramadhan pada waktu malam, hukumnya wajib atau sunat. Namun, pertengkaran dalam masalah Fiqh menjadi punca kepada umat Islam sedangkan Islam mempunyai kaedah dalam berinteraksi dengan Fiqh atau mazhab iaitu pertama tidak boleh mengingkari dan menganggap masalah khilaf itu berdosa, kedua sekiranya terdapat kesusahan dalam beramal berdasarkan sesuatu mazhab, seseorang itu mengambil pendapat yang mudah untuk diamalkan. Justeru, kepentingan mempelajari ilmu Usul Fiqh bagi *muqallid* ialah mereka mampu mengetahui bagaimana seorang *mujtahid* itu mengeluarkan hukum dan yakin dengan apa yang diperkatakan oleh *mujtahid*. Fiqh Aulawiyat bererti meletakkan sesuatu di tempatnya, sesuatu yang patut diawalkan tanpa perlu dilewatkan contohnya mendahulukan kualiti ke atas kuantiti. Di Malaysia khususnya terdapat banyak sekolah agama yang didirikan tanpa memikirkan pelaksanaan sekolah-sekolah tersebut. Hasilnya tidak mendatangkan natijah yang baik disebabkan sekolah agama berdiri atas bantuan orang ramai dan menjadi satu perlumbaan dalam membina sekolah swasta tetapi tidak mempunyai guru-guru yang berpotensi cemerlang.

Syeikh Yusuf al-Qaradhawi mendefinisikan wasatiah ialah keseimbangan antara dua sudut yang berlawanan sehingga tiada salah satunya mengambil hak yang lain. Beliau juga menyatakan bahawa antara punca perlampauan dalam kalangan remaja Muslim ialah mereka tidak menuntut dengan ulama yang jujur dan hanya membaca buku sendiri serta memahami

isi kandungan menggunakan akal mereka semata-mata. Oleh itu, para pendakwah seharusnya melengkapkan ilmu dengan sebanyak mungkin agar mampu menyampaikan ajaran Islam dengan baik dan tepat. Antara ciri-ciri khusus serta usul manhaj wasatiah menurut Syeikh Yusuf al-Qaradhawi ialah memahami Islam secara syumul dengan sifatnya sebagai akidah, syariat, ilmu, amal, ibadat, muamalat, tahaqafah, akhlak, kebenaran, kekuatan, dakwah, daulah, agama, dunia, tamadun dan umat. Kedua beriman dengan al-Quran dan sunnah yang sahih sebagai sumber rujukan persyariatan, panduan kepada kehidupan umat Islam serta memahami nas-nas juz'i dalam lingkaran maqasid umum.

Fiqh dan Manhaj II adalah bab ketiga dalam buku tajdid menuju transformasi. Di dalam bab ini penulis mengemukakan mengenai ilmu teori, risalah wasatiah, pelaksanaan hudud dan rasuah serta hukumannya. Imam Abu Hasasan al-Nadwi menyebutkan bahawa ulama terdahulu berusaha untuk bergaul dengan orang-orang soleh walaupun ilmu mereka rendah. Hal ini demikian kerana ilmu tersebut akan memperbaiki hati. Umat ini akan kembali kepada asalnya apabila kita meletakkan para ulama yang *amilin* dan moderat pada tempat asalnya dan ulama yang membawa kepada akhirat dan tidak melupakan tanggungjawab dunia. Jika dilihat di Malaysia, terdapat sebahagian golongan muda membawa aliran *salafi* dengan mengkritik amalan-amalan yang dilakukan oleh penduduk Malaysia seperti bacaan talkin, tahlil dan sebagainya sehingga menimbulkan kontroversi. Mereka ingin mengembalikan orang Islam kepada al-Quran dan sunnah tanpa taasub kepada mazhab. Namun, mazhab merupakan satu keperluan masyarakat untuk mengenal hukum hakam dengan mudah kerana mazhab bermaksud menghikayatkan hukum hakam daripada al-Quran dan sunnah bukannya mencipta hukum. Maka bukanlah wajib seseorang itu bertaklid kepada sesuatu mazhab tertentu tetapi seseorang yang bertaklid kepada mazhab hendaklah bertanya kepada ulama yang amanah.

Pelaksanaan hudud siri I telah membuka minda pembaca mengenai persoalan mengenai hudud dan qisas yang agak sukar untuk dijawab kerana pelaksanaan syariat tidak bercanggah dengan akal dan realiti bahkan banyak dalil yang menyokong pelaksanaan tersebut. Hudud adalah ubat yang terbaik dalam merawat penyakit-penyakit jenayah yang sangat membimbangkan dewasa ini. Falsafah hudud adalah mendidik dan ia berperanan menyucikan dosa penjenayah. Pelaksanaan hudud bukanlah mudah untuk dilaksanakan seperti yang digambarkan tetapi ia berhajat kepada syarat yang ketat dan bersesuaian dengan hukuman yang bersifat keras. Contohnya kes zina yang berhajat kepada empat orang saksi yang adil dan pelaksanaan ini amat sukar. Hal ini demikian kerana memerlukan orang Islam untuk menghendap perlakuan zina. Perkara ini adalah sukar berdasarkan sifat tabiat manusia yang adil, mereka tidak akan menghendap orang berzina melainkan syarat ini diletakkan supaya umat manusia hancur apabila terdapat orang yang melakukan perbuatan zina di tepi jalan dan dilihat oleh masyarakat tanpa segan silu maka itulah sebenar-benar penyaksian. Sejarah membuktikan tiada kes zina yang sabit secara saksi tetapi yang ada hanyalah pengakuan maka pelaksanaan secara pengakuan itu boleh dilaksanakan. Namun, Islam tetap menggalakkan orang yang melakukan zina menyembunyikan perbuatan tersebut dan bertaubat kepada Allah.

Jika dilihat di Arab Saudi, pada zaman pertengahan (60-an), selama 20 tahun terdapat 16 kes potong tangan sahaja yang berlaku dan ini menunjukkan pengurangan kes jenayah dalam masyarakat apabila hudud dilaksanakan. Hudud tidak akan menghilangkan jenayah tetapi akan mengurangkan jenayah hingga ke tahap yang tidak menakutkan kerana jenayah ialah penyakit dan penyakit akan sentiasa wujud. Namun, pelaksanaan hudud ini perlu banyak

kepada keringanan agar keindahan Islam terserlah manakala dari sudut kajian, ia perlu dijalankan secara terperinci supaya hudud yang dijalankan dalam roh yang mudah dan cantik. Contohnya Ibn Taimiyah yang menerima taubat seorang pezina dalam menggugurkan kes sebat ke atasnya, mazhab Hanafi dalam kes potong tangan hanya dibenarkan dua kali pemotongan iaitu tangan kanan dan kaki kiri sekiranya berlaku kecurian yang berulang, dan selebihnya sekiranya si pelaku mencuri lagi cukup dengan dikenakan hukuman takzir agar boleh bersuci dengan tangan yang tinggal. Dalam kaedah Fiqh disebut mengambil risiko mudarat yang paling ringan antara dua mudarat.

Selain hudud dan qisas, penulis juga menyatakan bahawa keperluan memperkemas undang-undang takzir yang dilihat begitu lemah kerana terlalu banyak undang-undang denda berbentuk wang dan penjara kerana ia kurang berkesan dalam mengurangkan jenayah. Isu-isu seperti menghentam pendakwah bebas kerana bergerak secara individu perlu dihentikan kerana tindakannya tidak bercanggah dengan syarak. Hal ini kerana, individu yang banyak membantu masyarakat mengenal agama Islam ialah pendakwah bebas yang dipanggil *sohwah* dan mereka inilah yang membawa masyarakat kepada kesedaran Islam. Selain daripada *sohwah Islamiah*, *harakah Islamiah* juga turut membantu mengembangkan ajaran Islam yang sebenar kepada masyarakat. Pemimpin Negara yang ingin bertaubat dan insaf juga merupakan antara perkara atau peluang yang besar untuk melaksanakan Islam secara syumul kerana rakyat akan mengikut agama pemimpin-pemimpin mereka.

Ibn Abidin al-Hanafi menyatakan rasuah ialah wang atau harta yang diberikan seseorang kepada hakim atau orang lain untuk menjatuhkan hukuman yang berpihak kepadanya atau mengikut kehendak pemberi wang tersebut. Ia bertujuan untuk mencapai kepada sesuatu yang batil ataupun untuk mencapai kebenaran. Malaysia mengalami indeks rasuah yang tinggi sehingga melibatkan rasuah secara seks. Mata pelajaran Akhlak yang menentang rasuah perlu dihidupkan di peringkat sekolah dan universiti dan pegawai-pegawai kerajaan perlu menjalani kursus berkaitan akhlak bagi mengelak rasuah. Dalam menangani rasuah, keberanian adalah perkara yang amat penting kerana rasuah juga akan melibatkan keluarga dan kaum kerabat. Justeru, pencegahan juga perlu dibuat seperti menaikkan gaji pegawai dan pekerja agar mereka hidup senang sehingga tidak terfikir mengamal rasuah.

Antara isu tajdid yang diberi perhatian oleh para ilmuwan ialah tidak mengheret masyarakat kepada isu-isu luaran seperti janggut, purdah, makan menggunakan sudu dan sebagainya. Satu perkara yang lebih penting daripada isu luaran ini ialah menyibukan masyarakat dengan masalah dalaman seperti ikhlas, rahmat, pemaaf dan pemurah. Perkara ini dinamakan *al-Mutabaah al-khafiah* dalam ilmu tasawuf yang bermaksud ia lebih dituntut daripada sunat yang zahir contohnya seseorang yang terlampau berhati-hati membaca al-Fatihah ketika solat tetapi tidak berusaha untuk khusyuk dalam solat sedangkan khusyuk lebih utama daripada berlebih-lebihan. Pendakwah seharusnya mengenal perkara yang lebih utama dalam setiap perbincangan yang ingin disampaikan. Oleh itu, Syeikh Yusuf al-Qaradhawi mengarang kitab yang bertajuk *al-Sohwah al-Islamiah min al-Murahaqah ila al-Rusyd*. Buku ini membincangkan 10 asas utama atau kaedah yang perlu digerakkan antaranya ialah membersihkan hati, daripada bercakap sambil bertengkar kepada memberi serta beramal, lakukan yang terbaik, daripada emosi kepada akal, daripada memfokuskan isu furuk kepada isu usul, daripada *al-Ta'sir* (menyusahkan) kepada *al-Taisir* (memudahkan), daripada kekerasan dan kebebasan melampau kepada wasatiah serta daripada perpecahan dan pergaduhan kepada perpaduan dan tolong menolong. Selain itu, para pendakwah juga perlu mengelakkan diri daripada dijangkiti virus yang boleh mempasifkan kerja-kerja dakwah

antaranya berlebihan mengagungkan tokoh-tokoh lampau, bercakap terhadap kesalahan orang terdahulu tanpa bertindak mengelaknya, bercakap berlebihan tentang kesalahan orang lain atas slogan kritikan dan nasihat serta perdebatan melampau dalam perkara yang tidak ada manfaat dan faedah.

Terdapat lima tanda-tanda orang yang mengutamakan emosi iaitu mengagungkan peribadi diri atau Jemaah, melampau menyukai atau membenci sesuatu, terlalu berangan-angan, ingin segera mencapai kejayaan dan hasil, serta hanya bergantung pada niat baik tanpa cara yang betul. Buku ini juga mengupas mengenai petanda-petanda orang yang melampau dalam agama iaitu tidak mengiktiraf pendapat orang lain, mewajibkan orang ramai berpegang dengan pendapat yang berat, berkeras bukan pada tempatnya, kasar dan keras, bersangka buruk dengan orang ramai serta mudah mengkafirkan orang. Syeikh Yusuf al-Qaradhawi menyatakan terdapat keganasan dalam dunia Islam tetapi mempunyai sebab dan alasan antaranya seperti kezaliman yang berlaku ke atas umat Islam di Palestin, keganasan sebahagian pemerintah terhadap pendakwah-pendakwah Islam dengan menyekat kebebasan mereka, membendung pemikiran seimbang atau wasatiah yang menyebabkan keganasan dapat bergerak secara senyap, kecacatan kefahaman dan salah faham Fiqah oleh sebahagian pendakwah Islam yang hanya bersifat literal kepada nas. Namun, hakikatnya keganasan berlaku dalam dua golongan iaitu tali barut Yahudi dan golongan Salib yang memushi Islam dan golongan jahil yang ikhlas bergerak secara sukarela untuk kepentingan kumpulan yang memusuhi Islam tanpa mereka sedar.

Buku tajdid menuju transformasi ini juga mengupas aspek pemikiran tokoh-tokoh tajdid seperti Syeikh Muhammad Abduh, Imam al-Syafi'i dan Syeikh Yusuf al-Qaradhawi. Tokoh pertama yang diulas dalam bab lima ini ialah Syeikh Muhammad Abduh yang menyatakan bahawa umat Islam perlu memahami enam usul berikut iaitu memahami Islam, mendahulukan ayat yang qat'ie ke atas nas yang mempunyai tafsiran, tidak mengkafirkan muslim, berinteraksi dengan undang-undang alam, memansuhkan kuasa paksaan dalam beragama, menjaga dakwah Islam untuk mencegah fitnah dan keadilan. Syeikh Muhammad Abduh menyatakan bahawa kejumudan yang berlaku tidak boleh disandarkan kepada Islam sebaliknya disebabkan doktrin luar yang masuk ke dalam hati umat Islam. Oleh yang demikian, beliau menyeru umat Islam untuk membina sifat toleransi dan berusaha untuk membebaskan umat Islam daripada taklid buta dan mengislahkan bahasa Arab supaya menjadi bahasa yang diterima semula oleh dunia.

Tokoh kedua ialah Imam al-Syafi'i yang digelar sebagai penolong sunnah oleh ulama. Imam al-Syafi'i hanya berselisih pendapat ketika membahaskan bidang ilmu tetapi apabila tamat perbincangan ilmu beliau menjadi muslim yang berinteraksi baik dengan masyarakat Islam contohnya Imam al-Syafi'i berguru dengan Imam Malik tetapi banyak pendapat beliau tidak sama dengan Imam Malik. Beliau juga bercanggah pendapat dengan Imam Muhammad Hasan al-Syaibani sewaktu di Baghdad namun mereka saling memuji antara satu sama lain, dan akhir sekali Imam al-Syafi'i berbeza pendapat dengan Imam Abu Hanifah namun beliau berkata semua anak Imam Abu Hanifah dalam bidang Fiqh dan sesiapa yang inginkan Fiqh maka hendaklah dia belajar dengan Imam Abu Hanifah. Imam al-Syafi'i pernah meninggalkan doa qunut ketika menunaikan solat Subuh di masjid yang dipenuhi dengan penganut mazhab Hanafi di Baghdad, sedangkan ia bercanggah dengan pendapat dalam mazhab beliau namun tindakan itu adalah untuk menjaga adab dengan Imam Abu Hanafi dan untuk melembutkan hati masyarakat setempat.

Tokoh tajdid ketiga yang diulas oleh penulis ialah Syeikh Yusuf al-Qaradhawi. Penulis mengenali Syeikh Yusuf al-Qaradhawi menerusi kitab-kitab yang dibaca oleh ayahnya iaitu Ustaz Fadzil Noor. Ketika beliau berumur 18 tahun, beliau membaca kitab Fiqh Aulawiyat, Tamadun Islam sebagai alternatif, waktu dalam kehidupan muslim serta sunnah sebagai ilmu dan tamadun. Syeikh Yusuf al-Qaradhawi mengajak masyarakat agar tidak taasub kepada mana-mana mazhab dan berpegang kepada dalil yang kuat sahaja. Terdapat banyak kitab yang telah ditulis oleh beliau antaranya ialah sebuah buku yang berjudul akal dan ilmu di dalam al-Quran. Pada halaman ke 69 beliau membincangkan dengan membahagikan tajuk kepada 8 bahagian dengan bahagian pertama mengenai definisi ilmu, bahagian kedua kelebihan ilmu dan kedudukan ulama dalam al-Quran, ilmu dan iman serta kefahaman yang merupakan sebaik-baik nikmat Allah.

Bab yang terakhir dalam buku ini mengupas mengenai renungan-renungan tajdid I dan II yang menerangkan mengenai empat kewajipan remaja muslim iaitu memahami Islam dengan sebenar-benarnya, kewajipan beramal dengan Islam, membawa kebaikan kepada orang lain dan keperluan untuk bekerja bersama-sama rakan dalaman dan luaran. Setelah mejalankan kewajipan tentunya remaja muslim mengimpikan untuk mendapatkan khusnul khatimah dengan pelbagai strategi antaranya adalah menuntut ilmu, memperbanyakkan solat, menggandakan kebaikan, berjihad pada jalan Allah, berbakti kepada orang tua, memperbanyakkan kalimah syahadah dan memperbanyakkan berdoa. Ibnu Rusyd dalam kitabnya *Fasl al-Maqal* menyatakan kebenaran tidak menentang kebenaran dan menyokong antara satu sama lain maka umat Islam perlu melakukan perubahan dengan menghasilkan saintis yang beriman dengan kehebatan al-Quran dan mengkaji ayat-ayat alam sebagai satu langkah tajdid yang boleh mengubah keadaan umat Islam pada masa kini. Penulis juga memetik kata-kata daripada Jack Canfield daripada bukunya yang bertajuk *How To Get From Where You Are To Where You Want To Be* iaitu *create your future from your future, not your past*. Kebanyakan manusia menanggapi masa lampaunya tetapi tidak mengubah nasibnya pada masa hadapan kerana kejayaan atau hasil usaha hanya akan didapati pada masa hadapan. Justeru, jadikanlah sejarah silam sebagai pengajaran dan ubatilah penyakit tersebut supaya umat Islam dapat membina kejayaan dunia dan akhirat.

Imam al-Qaradhawi juga mengupas mengenai waktu yang ibarat sebuah nyawa yang cepat berlalu, tidak boleh diganti dan merupakan harta yang paling bernilai. Maka dalam setiap pekerjaan, umat Islam perlu menghargai waktu yang diberikan walaupun terdapat tiga kedudukan pekerjaan mengikut adat dan uruf iaitu pekerjaan yang mulia, pekerjaan biasa dan pekerjaan yang rendah namun apabila akhlak diterapkan dan dijadikan kayu ukur kepada seseorang dalam pekerjaan maka akan berlakulah perubahan dari segenap sudut. Maka akhlak dalam pekerjaan perlu diutamakan supaya masyarakat menjadi lebih bertamadun dengan mengamalkan konsep kerja secara bersih, istiqamah, bekerjasama dalam menyelesaikan masalah, berpegang kepada janji, dan kecenderungan untuk merealisasikan sifat saling mengasihani dalam suasana bekerja contohnya doktor perubatan perlu menyemai akidah dan cinta kepada Allah dalam kalangan pesakit dan membina kesedaran ibadah supaya semua pesakit redha dengan musibah yang menimpa mereka kerana Allah akan menghilangkan dosa daripada setiap penyakit tersebut.

Sebagai pelajar pula perlu mengatasi penyakit tidur dan malas dengan memikirkan bahawa kita adalah harapan keluarga, membaca buku-buku tentang kisah kejayaan seseorang, bergaul dengan orang yang rajin serta berdoa. Sebagai manusia secara fitrahnya mudah melupakan kebaikan yang ditabur, namun sukar melupakan kesalahan orang lain. Justeru, ikhlaskan hati

kerana ikhlas adalah nilai yang paling tinggi untuk dijadikan pemangkin dalam kekuatan. Lihatlah kepada kepuasan yang disumbangkan dan janganlah melihat kepada apa yang dilakukan sebaliknya umat Islam perlu mencari keredhaan Allah dalam setiap pekerjaan yang dilakukan kerana keikhlasan akan menjadikan jiwa tenang dan istiqamah dalam apa jua keadaan. Imam Ibn Atahillah pernah berkata bahawa kemungkinan umur yang panjang dalam hidup seseorang itu mempunyai keberkatan yang sedikit, dan kemungkinan umur yang pendek dilimpahi dengan keberkatan yang banyak. Oleh itu, kehebatan bukanlah diukur pada umur tetapi pada sumbangan dan jasa kepada manusia keseluruhannya. Perkara yang paling penting ialah perancangan tidak tersasar jauh daripada matlamat yang diinginkan. Oleh itu, kita perlu mengetahui jenis amalan wajib, sunat, dan harus yang perlu dilaksanakan dan memahami tugas masing-masing kerana kewajipan berlainan mengikut kemampuan, tugas dan keadaan seseorang.

Buku tajdid menuju transformasi yang merupakan hasil karya Fauwaz Fadzil Noor merupakan karya yang sangat baik untuk para pembaca memahami perkara-perkara serta isu-isu yang berkaitan tajdid. Bahasa yang digunakan di dalam buku ini amat mudah difahami dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat memahami konsep tajdid untuk mencapai kebangkitan ummah. Menariknya buku ini terdapat banyak isu yang dikupas menurut perbincangan Syeikh Yusuf al-Qaradhawi mengenai proses tajdid, pintu ijtihad, Fiqh dan manhaj, Fiqh Aulawiyat serta aspek-aspek tajdid menurut beberapa tokoh tajdid. Buku ini juga menyeru supaya masyarakat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar tanpa berpegang kepada taqlid buta kerana perubahan ialah perubahan pemikiran dan tarbiah manakala wacana yang berbeza tidak menghalang untuk masyarakat Islam menuju kepada matlamat yang sama disebabkan keterbukaan dan sifat toleransi akan membuahkan satu kefahaman dan mengukuhkan ukhwah dalam kalangan masyarakat Islam. Dari segi penambahan baik buku ini, penulis perlu mengupas berkenaan konsep tajdid dengan lebih mendalam pada muqaddimah supaya masyarakat lebih memahami istilah tajdid untuk menuju ke arah transformasi. Selain itu, penulis juga perlu menambahkan isu semasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat seperti isu perselisihan faham dalam setiap aspek yang menimbulkan perbezaan pendapat tanpa meraikan pendapat yang lain. Secara keseluruhannya, buku ini dicadangkan untuk dibaca kepada semua masyarakat supaya akhlak dan pemikiran umat Islam tidak taasub kepada mazhab semata-mata sebaliknya berkembang untuk menuju kepada perubahan dalam transformasi agar masyarakat Islam menjadi *qudwah hasanah* kepada masyarakat yang lain.

Suhaila binti Sharil

Pensyarah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau